

30/03/2003

Pemilik kerakyatan asing automatik bukan warga Malaysia

Mutazar Abd Ghani; Maznah Darus

GEORGETOWN: Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sesiapa saja yang mempunyai kerakyatan negara lain secara automatik tidak lagi menjadi rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, ketika diminta mengulas berhubung desakan Pas agar Timbalan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Datuk Dr Ng Yen Yen

yang pernah memegang status penduduk tetap Australia dihukum, Abdullah berkata:

"Kedudukan Ng itu terserahlah kepada pihak parti yang mencadangkan beliau dilantik senator. Pas tidak boleh demand (desak) begitu saja. Ini adalah hak MCA."

Abdullah menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan amanat di seminar 'Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam', di Dewan Sri Pinang, semalam.

"Orang yang mempunyai kerakyatan negara lain, ertinya dia bukan rakyat Malaysialah. Berhubung kes ini, kita kena tengok dulu, bukanlah ikut andaian Pas saja," katanya.

Laporan akhbar semalam memetik Pas Pahang mendesak agar hukuman yang setimpal dikenakan terhadap Ng kerana merahsiakan kedudukannya sebagai pemegang status penduduk tetap Australia pada masa pelantikannya sebagai senator.

Sementara itu, pada sesi khas seminar 'Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam', di Dewan Sri Pinang, di sini, semalam, Abdullah berkata, Malaysia

sudah lama menjadi negara Islam sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan status itu untuk pengetahuan masyarakat negara ini dan antarabangsa.

Beliau berkata, hampir 90 peratus perundangan yang diamalkan di negara ini bersifat keislaman dan ia terbentuk jauh lebih awal daripada saat pengumuman oleh Dr Mahathir.

Katanya, orang Islam di Malaysia sudah tahu menjalani kehidupannya tanpa memberikan sebarang masalah kepada bukan Islam.

"Kesedaran kita berhubung konsep keislaman negara juga menjadikan rakyat Malaysia saling sepakat dan membenarkan orang Islam dan bukan Islam hidup aman," katanya.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia sudah berjaya menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni sambil menunjukkan rasa kasih serta kepekaan terhadap perasaan masing-masing, meskipun daripada keturunan dan bangsa yang berbeza.

"Kita sudah lakukannya dengan jaya sekian lama tanpa menimbulkan sebarang ketegangan dan saya percaya ia dapat diteruskan, Insha Allah," katanya.

Sementara itu, Abdullah mahu kaedah sekarang bagi menangani gejala dadah dikaji semula bagi mempertingkatkan keberkesanan usaha itu.

Ini termasuk menilai semula kaedah dan tindakan agensi kerajaan serta pembabitkan pelbagai pihak dalam usaha itu, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bekas penagih, ibu bapa, pemimpin masyarakat, majikan dan fungsi media massa.

Katanya, usaha juga perlu bagi memperbaharui pemikiran orang ramai berhubung gejala dadah, dengan menganggap perjuangan memerangi najis itu adalah tanggung jawab bersama seluruh anggota masyarakat dan bukannya masalah pihak berkuasa semata-mata.

Beliau berkata, ini penting kerana walaupun kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara sejak 20 tahun lalu, gejala itu masih belum dapat dibendung sepenuhnya, malah semakin serius.

"Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengatasi gejala dadah, termasuk membina prasarana serba lengkap seperti kemudahan hospital dan 28 pusat serenti di seluruh negara.

"Kita juga menggubal antara undang-undang antidadah yang paling berat di dunia. Namun, usaha ini belum membuahkan hasil memuaskan, malah bilangan penagih dadah semakin ramai," katanya merasmikan Kempen Perangi Dadah Habis-habisan 2003 di Dewan Milenium, Kepala Batas, dekat sini semalam.